

Lebih 30 peratus mengundi di Kuala Besut
Malaysian Insider
July 24 , 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan, sehingga jam 10 pagi ini sejumlah 5,147 atau 31 peratus pengundi Kuala Besut telah keluar mengundi, keseluruhan jumlah pengundi yang telah mengundi termasuk pengundi awal adalah 6,059, atau 34 peratus.

Tepat jam 8 pagi tadi, penduduk Kuala Besut mula menunaikan tanggungjawab mereka memilih wakil rakyat baru bagi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Hari ini adalah penentuan sama ada Barisan Nasional (BN) mengekalkan kuasa di negeri yang majoritinya tipis atau PAS menyamai 16 kerusi DUN.

Pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13), BN menang dengan majoriti dua daripada keseluruhan 32 kerusi DUN sebelum kematian penyandang DUN Kuala Besut, Dr Abd Rahman Mokhtar.

Pakatan Rakyat (PR) memiliki 15 kerusi dengan 14 dimenangi PAS manakala satu milik PKR.

BN mempertaruh jurutera Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS), Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman selaku calon manakala PAS mempamerkan kelainan apabila meletakkan kontraktor kelas A sebagai calon, Endut@Azlan Yusof, atau lebih mesra dengan panggilan Che Long.

Penganalisis politik melihat PRK itu sebagai situasi 'tegang' buat BN kerana jika kalah, Terengganu mencipta sejarah menjadi negeri pertama sejak merdeka memiliki DUN tergantung - jumlah kerusi pembangkang dan BN dalam kedudukan seri.

Bagi mengelakkan ia berlaku, BN 'menabur' peruntukan hampir setengah bilion ringgit melalui 15 projek di Kuala Besut.

PAS pula berkempen untuk mendapatkan kedudukan DUN tergantung atas alasan situasi itu membolehkan mereka menegur pentadbiran kerajaan negeri.

Pelbagai isu dibangkitkan sepanjang 12 hari berkempen termasuk isu tanah di Pulau Perhentian dan isu perselisihan antara Menteri Besar, Datuk Ahmad Said dan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh.

Badan kaji selidik pilihan raya, Ilham Centre mendapati BN mengatasi PAS tetapi PAS berpeluang menang jika beberapa strategi saat-saat akhir mereka berjaya.

Lapan Bahagian Pilihan Raya ditetapkan SPR iaitu Pulau Perhentian, Seberang Barat, Kampung Nail, Seberang Barat Luar, Tok Saboh, Kampung Nagka, Kampung Baru, dan Bukit Puteri.

Sejumlah 16,534 pengundi akan mengundi hari ini selepas 1,134 pengundi awal dari kalangan tentera dan 14 anggota polis mengundi 20 Julai lalu, menjadikan keseluruhan pengundi berdaftar ialah 17,683.

Keputusan rasmi dijangka diumumkan jam 10 malam ini. - 24 Julai, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/penduduk-kuala-besut-mula-mengundi-hari-ini>